

## Penderaan Emosi terhadap Kanak-kanak dari sudut Perundangan (The Emotional Abuse of Children from A Legal Perspective)

MOHD ZAMRE MOHD ZAHIR  
NIK AHMAD AIMAN HAKIMI HASMADI

### ABSTRAK

*Kanak-kanak merupakan modal insan yang signifikan terhadap sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, perlindungan terhadap kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi adalah satu aspek penting dan perlu diberi keutamaan. Malaysia telah digemparkan dengan kes-kes penderaan yang telah berlaku dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan sehingga suku tahun pertama 2021, sebanyak 2,040 kes penderaan telah direkodkan dilaporkan. Terdapat empat keadaan penderaan yang berlaku terhadap kanak-kanak iaitu penderaan fizikal, pengabaian, seksual dan emosi. Berbeza dengan penderaan yang boleh dilihat kesannya secara pandangan mata kasar, penderaan emosi ini dilihat seakan-akan tidak diambil berat oleh setiap masyarakat. Objektif penulisan ini adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah penderaan emosi terhadap kanak-kanak berlaku. Objektif kedua adalah untuk menganalisis statistik kes-kes yang menyentuh isu penderaan emosi kanak-kanak. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menyoroti literatur dari dalam dan luar negara berpandukan sumber primer dan sekunder yang membincangkan isu penderaan terhadap kanak-kanak. Hasil dapatan daripada penulisan ini menunjukkan wujud peningkatan kes penderaan secara umum serta khusus kepada penderaan emosi terhadap kanak-kanak dari selain wujud keperluan agar penguatkuasaan undang-undang diperketatkan agar masalah penderaan emosi kanak-kanak dapat dibendung. Kesimpulannya, hasil daripada penulisan ini akan memberikan pendedahan tentang bagaimana statistik kes-kes penderaan kanak-kanak berfungsi sebagai kayu ukur agar pihak kerajaan, penguatkuasa dan masyarakatnya dapat membendung masalah penderaan kanak-kanak daripada terus meningkat terutamanya dalam konteks penderaan emosi semasa pandemik COVID-19. Selanjutnya, penguatkuasaan undang-undang perlu diperketatkan dengan berkesan dan holistik.*

*Kata kunci: Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611); COVID-19; emosi; kanak-kanak; penderaan*

### ABSTRACT

*Children are a significant human capital of a country. As such, the protection of children from neglect, abuse, violence, and exploitation is an important aspect and should be given priority. Malaysia has been rocked by cases of abuse that have occurred in a family institution and up to the first quarter of 2021, a total of 2,040 cases of abuse have been recorded. There are four types of child abuse i.e., physical abuse, neglect, sexual and emotional. In contrast to the abuse that can be seen in the eyes of the naked eye, this emotional abuse is seen as if it is not taken seriously by every society. The objective of this paper is to identify the extent to which emotional abuse of children occurs. The second objective was to analyze the statistics of cases that touched on the issue of emotional abuse of children. This paper uses a qualitative method by highlighting the literature from Malaysia and abroad guided by primary and secondary sources that discuss the issue of child abuse. The findings from this writing show that there is an increase in cases of abuse in general as well as specific to emotional abuse of children besides there is a need for law enforcement to be tightened so that the problem of child emotional abuse can be contained. In conclusion, the results of this paper will provide exposure to how the statistics of child abuse cases serve as an indicator so that the government, enforcement, and society can curb the problem of child abuse from continuing to increase especially in the context of emotional abuse during the COVID-19's pandemic. Further, law enforcement needs to be tightened effectively and holistically.*

*Keywords: Abuse; Child Act 2001 (Act 611); children; COVID-19; emotions*

## PENGENALAN

Kanak-kanak dalam sesebuah institusi kekeluargaan merupakan anugerah yang paling bernilai yang dikurniakan kepada manusia daripada Tuhan Maha Pencipta. Tanggungjawab untuk menjaga dan mendidik kanak-kanak dengan penuh kasih sayang telah dicatatkan dalam satu hadis daripada Rasulullah SAW bersabda: “Anak itu ibarat seperti kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya menjadi Nasrani, Yahudi ataupun Majusi” (Riwayat Bukhari dan Muslim).<sup>1</sup> Walau bagaimanapun, terdapat ibu bapa yang culas dalam menjalankan tanggungjawab ini sebaiknya dengan melakukan penderaan kepada kanak-kanak. Sebelum perbincangan dikupas dengan lebih mendalam, siapakah itu kanak-kanak. Menurut Dasar Kanak-Kanak Negara, kanak-kanak boleh didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun sebagaimana yang telah termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Takrif kanak-kanak ini berbeza-beza mengikut peruntukan undang-undang di Malaysia. Sebagai contoh, takrif kanak-kanak di bawah Akta Pengangkatan 1952 ialah seorang yang belum berkahwin dan di bawah umur 21 tahun. Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 pula membahagikan tafsiran kanak-kanak kepada dua, iaitu bagi kanak-kanak Islam, umur dewasa adalah 18 tahun, manakala bagi kanak-kanak bukan Islam, umur dewasanya adalah 21 tahun. Walaupun terdapat perbezaan takrifan kanak-kanak mengikut akta-akta berikut, namun secara asasnya kanak-kanak merupakan seseorang yang berumur 18 tahun sebagaimana yang telah ditakrifkan dalam Akta Umur Dewasa 1971 yang menetapkan umur dewasa sebagai 18 tahun sama seperti Akta 611. Maka, dalam perbincangan ini akan memfokuskan kepada kanak-kanak seperti yang telah ditakrifkan oleh Akta 611. Hal ini bermaksud, penulisan ini akan merujuk kepada kanak-kanak yang berumur 18 tahun dan kebawah. Dalam kes *Pendakwa Raya v Thevesh a/l Sashikumar dan satu lagi* [2020] 12 MLJ 603, Mahkamah Sesyen telah merujuk kepada definisi kanak-kanak dalam Akta 611 tersebut dalam menentukan sama ada tertuduh merupakan seorang kanak-kanak atau tidak. Pihak pendakwaan cuba untuk menggunakan pembelaan kanak-kanak. Namun, mehkamah yang bijaksana telah berpendapat bahawa hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Majistret telah bersesuaian dengan kesalahan yang telah dilakukan.

Di Malaysia, situasi penderaan kanak-kanak secara umumnya mencatatkan peningkatan yang amat membimbangkan. Malaysia telah mencatatkan angka kes penderaan yang telah berlaku dalam sesebuah institusi kekeluargaan pada suku tahun pertama 2021 sebanyak 2,040 kes penderaan telah direkodkan dilaporkan. Menurut Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, penderaan terhadap kanak-kanak ini merupakan satu tindakan pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk membesar dalam keadaan yang sihat dan bermaruah di samping menyebabkan wujud risiko dalam kelangsungan hidup kanak-kanak tersebut.<sup>2</sup>

Dalam Akta 611 telah menggariskan empat penderaan yang telah dilakukan oleh orang dewasa terhadap kanak-kanak iaitu penderaan fizikal, seksual, pengabaian dan emosi. Berdasarkan Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 telah menjelaskan bahawa seseorang itu telah melakukan satu kesalahan jenayah jika melakukan penganiayaan, pengabaian, membuang dan mendedahkan kanak-kanak kepada kecederaan fizikal atau emosi atau menyebabkan kanak-kanak dianiaya, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian rupa atau menganiaya secara seksual atau menyebabkan kanak-kanak tersebut dianiaya boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan penjara tidak melebihi tempoh sepuluh tahun.

Khusus kepada penderaan berkaitan dengan emosi sebagai mana yang telah dimaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001, penderaan adalah apabila seseorang kanak-kanak dicerderakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat.<sup>3</sup> Walaupun penderaan secara emosi ini sukar untuk dibuktikan walaupun secara umumnya ia boleh terjadi apabila seseorang kanak-kanak mengalami kritikan berterusan, ugutan, penolakan serta ketiadaan kasih sayang, sokongan atau bimbingan. Hal ini kerana tanda-tanda penderaan tidak hanya boleh dikesan melalui fizikal kanak-kanak sahaja seperti luka, lebam dan pendarahan fizikal. Namun, kesannya juga boleh dilihat berdasarkan tabiat dan tanda emosi seseorang kanak-kanak tersebut.<sup>4</sup> Penulisan ini akan memfokuskan kepada penderaan emosi yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Analisis terhadap kes-kes mahkamah juga akan dinilai bagi melihat apakah pendekatan mahkamah dalam

memutuskan kes berkaitan penderaan emosi tanpa melibatkan kepada jenis penderaan yang lain.

Oleh itu, penulisan yang dilakukan ini berpaksikan dua objektif yang utama. Pertamanya, mengenal pasti sejauh manakah penderaan emosi terhadap kanak-kanak berlaku. Kedua, menganalisis statistik kes-kes yang menyentuh isu penderaan emosi kanak-kanak. Kajian ini menekankan kepada penderaan emosi untuk mengetahui sejauh mana reaksi undang-undang di Malaysia terhadap penderaan yang tidak mendatangkan kesan secara fizikal.

#### SOROTAN LITERATUR

Dalam penulisan ini, kajian yang telah dilakukan sebelum-sebelum ini telah dijadikan sebagai bahan rujukan. Berdasarkan Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis,<sup>5</sup> kadar penderaan dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 secara umumnya dilihat meningkat iaitu daripada 1,134 kes pada 2013 berbanding 1,628 pada tahun 2017.<sup>6</sup> Merujuk penderaan emosi secara khususnya, berlaku peningkatan daripada 2013 iaitu ke 2016, namun menurun pada tahun 2017.

Kajian yang ditulis ini akan merangkumi statistik sehingga suku tahun pertama 2021 dan mengetahui mengenai statistik semasa berkaitan dengan penderaan secara amnya dan penderaan emosi secara khususnya mengikut kepada statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada akhirnya, penilaian berkaitan dengan kes penderaan yang terjadi dalam masyarakat kita dilihat semakin hari semakin membimbangkan dari tahun ke tahun, lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik COVID 19 yang melanda seluruh dunia.

Dalam satu artikel yang bertajuk Akta Kanak-Kanak 2001<sup>7</sup>, kanak-kanak telah didefinisikan mengikut kepada Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu berdasarkan Seksyen 2 Akta 611 yakni seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah, seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, definisi kanak-kanak telah ditafsirkan berbeza-beza mengikut Akta dan undang-undang yang berbeza. Sebagai contoh ialah takrif kanak-kanak di bawah Akta Pengangkatan 1952 ialah seorang yang belum berkahwin dan di bawah umur 21 tahun. Bagi Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 pula membahagikan

tafsiran kanak-kanak kepada dua, iaitu bagi kanak-kanak Islam, umur dewasa adalah 18 tahun, manakala bagi kanak-kanak bukan Islam, umur dewasanya adalah 21 tahun.

Walaupun bagaimanapun, rujukan tafsiran kanak-kanak ini dirujuk kepada Seksyen 2 Akta 611 selari dengan definisi dalam Dasar Kanak-Kanak Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat itu sendiri. Undang-undang di Malaysia seperti Akta Umur Majoriti 1971 juga telah memberi tafsiran yang sama dengan Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu kanak-kanak berumur dibawah 18 tahun.

Merujuk artikel Penderaan Kanak-Kanak Sekilas Pandang<sup>8</sup>, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mewujudkan satu konvensyen yang khusus untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak.<sup>9</sup> Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak merupakan satu perjanjian antara negara-negara ahli yang berteraskan kepada empat prinsip asas iaitu tanpa diskriminasi, kepentingan terbaik untuk kanak-kanak, hak kanak-kanak untuk hidup dan berkembang dan menghormati pandangan kanak-kanak. Malaysia telah meratifikasi konvensyen ini pada tahun 1995 sebagai lambang memperjuangkan kanak-kanak di negara ini.

Dalam penulisan ini telah menerangkan bahawa segala Dasar dan Undang-Undang berkaitan dengan kanak-kanak telah digubal selari dengan peruntukan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak memandangkan Malaysia antara negara ahli yang telah meratifikasi konvensyen tersebut. Walau bagaimanapun, isu-isu berkaitan dengan penderaan kanak-kanak yang dilihat semakin hari semakin parah telah memberikan satu tanda kepada pihak berwajib untuk mengambil langkah yang proaktif dalam menangani masalah daripada terus membarah.

Menurut artikel Jaminan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-Kanak dalam Kerangka Hak Asasi Manusia: Amalan di Malaysia<sup>10</sup> pula telah menjelaskan mengenai undang-undang berkaitan dengan menjaga hak kanak-kanak seperti Akta Perlindungan Kanak-Kanak, Dasar Kanak-Kanak Negara dan sebagainya telah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 2001 dalam menjamin perlindungan terhadap kanak-kanak.<sup>11</sup> Malaysia telah bersetuju, menandatangani dan melakukan reservasi terhadap beberapa peruntukan dalam konvensyen ini pada tahun 1995. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah memainkan peranan yang cukup penting

dalam menjaga kebajikan kanak-kanak, lebih-lebih lagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Selanjutnya, berdasarkan Dasar Kanak-Kanak Negara,<sup>12</sup> dasar ini adalah mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak supaya kanak-kanak diberikan ruang dan peluang untuk mencapai perkembangan secara holistik dalam persekitaran yang kondusif. Matlamat Dasar Kanak-Kanak Negara ini secara umumnya adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai-nilai murni. Memahami kedudukan hak kanak-kanak melalui Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak<sup>13</sup> yang telah wujud pada tahun 1985 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dalam konvensyen ini, terdapat 54 Perkara yang telah memberikan perlindungan kepada kanak-kanak seluruh dunia. Konvensyen ini adalah satu perjanjian yang mengikat kepada negara-negara ahli yang menandatangani. Namun, negara-negara mempunyai hak untuk melakukan reservasi terhadap mana-mana peruntukan yang terdapat dalam konvensyen ini. Malaysia juga telah meratifikasi konvensyen ini mengikut kepada kesesuaian dan norma masyarakat di Malaysia.<sup>14</sup>

Ringkasnya, penulisan ini telah merujuk beberapa bahan literatur yang telah dibaca dan dianalisis berdasarkan kepada rujukan-rujukan tersebut di atas dan mendapati terdapat kelompangan dari sudut kajian yang tuntas dari perspektif penderaan emosi terhadap kanak-kanak dari sudut perundangan.

## METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menyoroti literatur dari dalam dan luar negara berpandukan sumber primer dan sekunder yang membincangkan isu penderaan terhadap kanak-kanak. Metodologi secara kualitatif ini mempunyai data yang tersendiri dan mempunyai perbezaan pengumpulan data secara kuantitatif.<sup>15</sup> Data kualitatif ini berbentuk deskriptif, kata-kata

lisan atau penulisan berkaitan dengan tingkah laku manusia yang dapat diamati.<sup>16</sup> Pengumpulan data secara kualitatif ini mempunyai tiga penghasilan data utama iaitu hasil pemerhatian, hasil perbincaraan dan bahan bertulis.

Dalam penulisan ini, kaedah yang digunakan adalah dengan menganalisis kandungan.<sup>17</sup> Kaedah analisis kandungan boleh digunakan dalam penulisan bersifat kualitatif.<sup>18</sup> Analisis kandungan merupakan satu pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang memberi huraian kepada objektif serta mesej sama ada bahan yang dicetak, disiarkan atau digambarkan.<sup>19</sup> Kaedah kualitatif digunakan apabila latar masalah masih belum jelas, bagi memahami perkara yang boleh dilihat, untuk memahami interaksi sosial, mengembangkan teori, memahami perasaan dan untuk meneliti sejarah atau latar belakang sesuatu tajuk penulisan, berbanding dengan kuantitatif yang ingin mengambil kira jumlah populasi dan data secara angka.<sup>20</sup> Sebagai contoh, penulisan ini dapat dihasilkan dengan merujuk artikel-artikel yang telah diterbitkan dan menganalisis data serta maklumat daripada artikel tersebut. Selain itu, penulisan ini juga merujuk undang-undang di negara Kanada dan Singapura. Rujukan ini dilakukan kerana meneliti undang-undang kedua-dua negara yang merupakan negara yang mempunyai latar undang-undang yang sama dengan Malaysia iaitu negara yang mengamalkan sistem undang-undang Inggeris. Bukan itu sahaja, rujukan ini dilihat signifikan bagi tujuan penambahbaikan kefahaman berdasarkan isu yang dibincangkan dalam penulisan ini.

## DAPATAN KAJIAN

Data tersebut telah diperoleh daripada Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah menyenaraikan kes-kes penderaan yang berlaku di Malaysia. Berikut merupakan statistik yang menunjukkan kes penderaan yang dilaporkan mengikut jenis kes dalam tempoh empat (4) tahun daripada tahun 2017 sehingga September 2020.

JADUAL 1. Statistik berkaitan dengan Kes Penderaan yang telah Berlaku di Malaysia<sup>21</sup>

Tahun/ Jenis Penderaan	2017	2018	2019	Sehingga September 2020
Penderaan Fizikal	1,629	1,703	1,571	1,373
Penderaan Seksual	1,379	1,705	1,865	1,373
Penderaan Pengabaian	2,410	2,046	2,521	1,251
Penderaan Emosi	61	124	113	131
Jumlah Keseluruhan	5,537	5,578	6,061	3,875

Jadual 1 menunjukkan statistik berkaitan dengan kes penderaan yang telah berlaku di Malaysia yang dirujuk daripada statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sama ada diperolehi daripada Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat<sup>22</sup> atau melalui keratan akhbar iaitu temu bual bersama-sama dengan Timbalan Menteri Wanita dan Keluarga Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff.<sup>23</sup> Jadual 1 juga telah dibahagikan kepada empat (4) jenis penderaan yang utama iaitu penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan dari segi pengabaian dan penderaan emosi.

Dalam Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diterbitkan sehingga tahun 2019<sup>24</sup>, setiap kategori penderaan ini telah disusun atur mengikut kepada peruntukan perlindungan terhadap kanak-kanak iaitu dengan merujuk Bahagian V, Akta Kanak-Kanak 2001 di bawah Seksyen 17, iaitu Kanak-Kanak yang memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan. Bagi penderaan secara fizikal merujuk Seksyen 17(1)(a) dan Seksyen 17(1)(b) manakala penderaan emosi merupakan gabungan Seksyen 17(1)(a) dan Seksyen 17(1)(b). Bagi penderaan yang melibatkan seksual pula termaktub dalam Seksyen 17(1)(a) dan 17(1)(b). Secara khususnya, pengabaian telah dibahagikan kepada tiga iaitu pengabaian pengawasan yang terdiri daripada Seksyen 17(1)(c), pengabaian hak asasi daripada Seksyen 17 (1)(d) dan lain-lain pengabaian daripada gabungan Seksyen 17(1)(e), (f), (g), (h), (i), (j) dan (k). Setiap gabungan peruntukan tersebut ditambah bagi menghasilkan jumlah penderaan mengikut kategori yang telah dinyatakan.<sup>25</sup>

Secara umumnya, berdasarkan jadual di atas, kes penderaan di Malaysia telah menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2017 sehingga tahun 2019. Pada tahun 2017, kes yang dicatatkan adalah sebanyak 5,537 kes. Pada tahun 2018 pula, kes meningkat sedikit berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak 5,578 kes iaitu peningkatan sebanyak 41 kes. Pada tahun 2019, kes terus melonjak kepada 6,061 kes iaitu peningkatan sebanyak 483 kes. Walau bagaimanapun, jumlah kes mulai menurun pada tahun 2020 apabila jumlah kes yang dilaporkan setakat bulan September adalah sebanyak 3,875 kes. Walau bagaimanapun, laporan daripada akhbar Berita Harian Online yang bertarikh 8 Julai 2021 telah melaporkan suku tahun pertama 2021 iaitu dari bulan Januari sehingga April 2021 telah mencatatkan satu angka yang besar yakni 2,040 kes.<sup>26</sup> Angka ini merupakan suatu yang sangat membimbangkan dan dilihat tinggi setakat April 2021.<sup>27</sup>

Berdasarkan jadual di atas, kes berkaitan dengan penderaan emosi boleh dikategorikan sebagai kes penderaan yang telah berlakunya peningkatan yang sangat drastik. Perkara ini boleh dirujuk kepada perbandingan jumlah kes pada tahun 2017 yang mempunyai bilangan kes sebanyak 61 kes telah melonjak kepada 124 kes pada tahun 2018. Walaupun kes penderaan emosi telah menurun pada tahun 2019 dengan catatan sebanyak 113 kes berbanding tahun 2018, namun jumlah kes semakin meningkat dan mencatatkan angka tertinggi kes penderaan emosi iaitu sebanyak 131 kes berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Walaupun mempunyai rekod yang rendah, penderaan emosi merupakan bentuk penderaan yang tidak boleh dipandang enteng oleh

mana-mana pihak sama ada masyarakat atau badan berautoriti sendiri. Hal ini adalah disebabkan kesan kepada penderaan emosi yang merupakan trauma tersembunyi ini mempunyai kesan yang sama buruk dengan jenis penderaan-penderaan lain seperti penderaan fizikal dan seksual.<sup>28</sup> Malah, semua jenis penderaan sama ada secara fizikal, seksual atau pengabaian penjagaan tidak dapat dipisahkan daripada aspek penderaan emosi seksual. Di samping itu, penderaan emosi turut berlaku tanpa memerlukan penglibatan penderaan kategori yang lain. Jika penderaan emosi berlaku bersama-sama penderaan lain, kesannya terhadap emosi akan menjadi lebih serius, mendalam dan berpanjangan.<sup>29</sup>

Berdasarkan data yang telah diperolehi, kes penderaan emosi yang berlaku di Malaysia yang telah direkodkan sehingga September 2021 telah meningkat kepada 131 berbanding tahun sebelumnya yang merekodkan catatan tertinggi pada 2018 iaitu 124 kes. Meningkatkan ini dilihat sebagai satu peningkatan yang membimbangkan kerana data tersebut hanya sehingga September 2020. Hal ini bermaksud, jumlah penderaan secara emosi pada tahun berkenaan boleh mencecah angka yang lebih tinggi berbanding dengan 131 kes yang dicatatkan sehingga September 2020. Perkara ini telah memberikan satu gambaran yang jelas bahawa kes penderaan emosi saban tahun perlu diambil peduli oleh segenap lapisan masyarakat dan tidak hanya berfokus kepada penderaan fizikal semata-mata.<sup>30</sup>

#### PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA BERKAITAN PENDERAAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak pada tahun 1995.<sup>31</sup> Konvensyen ini berperanan dalam mengikat negara-negara ahli dalam memastikan negara-negara ahli memberikan perlindungan terhadap kanak-kanak selari dengan peruntukan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Berdasarkan dapatan daripada artikel yang ditulis oleh Azhar, Harlida, Yusramizza dan Ain, dijelaskan bahawa Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah digubal oleh badan perundangan di Malaysia ini memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak pada tahun 1995.<sup>32</sup>

Maka, undang-undang di Malaysia yang memberi perlindungan kepada kanak-kanak adalah Akta Perlindungan Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Secara umumnya, Akta 611 ini mempunyai

lima belas Bahagian dan 135 peruntukan yang memberikan tafsiran, undang-undang, hukuman, tatacara dan bidang kuasa mahkamah terhadap kanak-kanak. Dalam Akta 611 ini juga telah menjelaskan kepada kita berkaitan dengan penderaan terhadap kanak-kanak. Perkara ini boleh dirujuk kepada Bab 3 Bahagian 5 iaitu kesalahan berhubung dengan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak. Mengikut peruntukan Seksyen 31(1) Akta Perlindungan Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bahawa mana-mana orang, yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak yang menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian, atau yang menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Hukuman yang telah dinyatakan dalam Seksyen sebelumnya juga boleh untuk ditambah oleh mahkamah merujuk kepada Seksyen 31(2) (a) Akta 611 yang membenarkan mahkamah memerintahkan supaya orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen itu menyempurnakan suatu bon dengan penjamin untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh mahkamah. Seksyen 31(3) Akta 611 memperuntukkan bahawa jika seseorang yang diperintahkan supaya menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik di bawah subseksyen (2) tidak mematuhi mana-mana syarat bon itu, dia boleh didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selanjutnya selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Dalam Seksyen 31 Akta 611 ini juga telah menyatakan liabiliti ibu bapa dan penjaga dalam pengabaian dengan merujuk kepada subseksyen (4) iaitu seseorang ibu atau bapa atau penjaga atau orang lain yang bertanggung di sisi undang-undang untuk menyara seseorang kanak-kanak hendaklah disifatkan telah mengabaikannya dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi jika, sungguhpun dia berupaya mengadakan makanan, pakaian, rawatan perubatan atau pergigian, penginapan atau

pemeliharaan yang mencukupi bagi kanak-kanak itu daripada sumber-sumbernya sendiri, dia tidak berbuat demikian. Dalam subseksyen (5) pula menjelaskan bahawa seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan terhadap seksyen ini walaupun penderitaan atau kecederaan kepada kesihatan kanak-kanak yang berkenaan atau kemungkinan penderitaan atau kecederaan kepada kesihatan kanak-kanak yang berkenaan telah dielakkan melalui tindakan orang lain atau kanak-kanak yang berkenaan telah mati.

Secara perundangannya, hukuman kesalahan penderaan ini telah dinyatakan dengan jelas dalam Akta ini. Penggunaan Akta ini dalam kes-kes yang melibatkan penderaan kanak-kanak juga telah digunakan secara meluas dalam mahkamah di Malaysia. Walau bagaimanapun, pihak pendakwaan tidak hanya mengambil kira peruntukan dalam Akta 611 semata-mata. Tapi juga merujuk kepada Akta-Akta lain. Sebagai contoh ialah merujuk kepada kes *Siti Zaharah binti Abdullah v Pendakwa Raya* [2018] MLJU 2060. Dalam kes ini, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 kerana tertuduh telah melacurkan anaknya dalam sebuah daerah di Negeri Johor. Selain daripada merujuk kepada Seksyen 31 Akta 611, pihak pendakwaan juga telah mendakwa tertuduh dengan kesalahan mengikut Seksyen 16 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 729). Ada juga kes yang mana pihak pendakwaan hanya menggunakan Seksyen 31 Akta 611 tanpa merujuk Akta-Akta sokongan yang lain seperti yang telah dilaksanakan dalam kes *Woo Kim Wai v Pendakwa Raya* [2020] 8 MLJ 34. Dalam kes ini, tertuduh telah merayu kepada Mahkamah Tinggi mengenai hukuman yang telah diberikan kepadanya berdasarkan kesalahannya yang didapati telah melakukan penganiayaan kepada kanak-kanak sehingga mencederakan fizikal kanak-kanak tersebut. Mahkamah telah membenarkan rayuan dengan mengenyakan hukuman 5 tahun dan menggantikan dengan penjara 15 bulan berdasarkan peruntukan yang sama iaitu Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

Walaupun bagaimanapun, terdapat kritikan dan pandangan berkaitan dengan Seksyen 31 Akta 611 ini perlu untuk disemak semula dan dipinda. Menurut Senator Dewan Negara, Ras

Adibah telah menyatakan bahawa pihak kerajaan seharusnya menubuhkan satu pasukan petugas khas membabitkan agensi penguat kuasa bagi menangani kes-kes jenayah penderaan kanak-kanak di Malaysia selain meminda Seksyen 31 Akta 611 dengan segera agar hukuman yang lebih berat dan setimpal dapat diberikan kepada pesalah-pesalah yang telah melakukan penderaan terhadap kanak-kanak.<sup>33</sup> Kegusaran tersebut juga dilihat berasas apabila terdapatnya peningkatan kes penderaan pada suku tahun pertama 2021 dengan mencatatkan 2,040 kes penderaan terhadap kanak-kanak telah dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.<sup>34</sup> Maka, adalah menjadi satu keperluan kepada badan perundangan di Malaysia untuk mengambil satu langkah yang serius bagi menangani isu penderaan ini secara keseluruhannya, lebih-lebih lagi sewaktu pandemik COVID-19 ini berlaku.

Dalam menganalisis peruntukan undang-undang berkaitan dengan penderaan emosi di Malaysia, penderaan emosi ini dilihat sukar untuk dibuktikan. Hal ini kerana penderaan emosi ini tidak mendatangkan kesan kepada fizikal. Namun secara umumnya boleh terjadi apabila kanak-kanak tersebut mengalami kritikan berterusan, ugutan, penolakan serta ketiadaan kasih sayang, sokongan atau bimbingan.<sup>35</sup> Walau bagaimanapun, merujuk juga kepada artikel Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis, penderaan emosi mempunyai hubungkait yang rapat dan boleh terjadi seiring dengan penderaan-penderaan yang lain.<sup>36</sup> Sebagai contohnya, pendekatan pihak pendakwaan yang menggunakan frasa penderaan fizikal dan emosi, pengabaian dan emosi serta penderaan seksual dan emosi. Penderaan secara nyata tersebut tidak boleh untuk dipisahkan dengan emosi kanak-kanak tersebut. Dalam kes *Pendakwa Raya v Rahayu binti Hassan dan satu lagi rayuan* [2019] MLJU 722, pihak pendakwaan telah mendakwa tertuduh dibawah Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001. Pertuduhan yang dibacakan kepada tertuduh adalah seperti berikut;

“Bahawa kamu di antara bulan Januari 2015 sehingga bulan Mei 2015, bertempat di rumah alamat Lot 2071 Kg. Bagus, 17200 Rantau Panjang dalam Daerah Pasir Mas, di dalam negeri Kelantan, sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kanak-kanak perempuan yang bernama Nur Zuliana Zaa’ra binti Mohd Misbahuddin No. Sijil Kelahiran: 101022-03-0976 telah menganiaya iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001.”

Berdasarkan petuduhan yang telah dibacakan ke atas tertuduh, penderaan emosi juga telah dimasukkan dalam pertuduhan tersebut. Walau bagaimanapun, dari segi keterangan mangsa dan keterangan sokongan daripada saksi-saksi yang terdekat tidak pernah menyentuh elemen penderaan secara emosi iaitu menggunakan perkataan seperti mengugut, mengungkapkan kata-kata yang boleh menyebabkan kanak-kanak berasa terancam, dan apa-apa perbuatan secara lisannya boleh menyebabkan kanak-kanak terdera secara emosi. Segala keterangan saksi dan bukti hanyalah membuktikan kepada penderaan fizikal semata-mata. Melalui kes ini, menjadi bukti bahawa mahkamah menerima konsep bahawa penderaan emosi ini boleh hadir seiring dengan penderaan fizikal. Walau bagaimanapun, persoalan akan timbul adakah *prima facie* boleh dibuktikan jika pihak pendakwaan hanya membangkitkan isu berkaitan dengan penderaan emosi sahaja tanpa melibatkan apa-apa jenis penderaan yang lain? Di Malaysia, keadaan ini masih belum berlaku di mana-mana mahkamah.

#### KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG DI KANADA DAN SINGAPURA BERKAITAN PENDERAAN

##### KANADA

Di Kanada, tidak banyak perbezaan antara jenis penderaan dengan Malaysia. Undang-undang Kanada juga mengiktiraf beberapa jenis penderaan iaitu penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual, pengabaian dan mengeksploitasi seseorang dengan menggunakan duit atau harta benda. Di Kanada, sebahagian kategori penderaan telah dimasukkan dalam Kod Jenayah negara berkenaan. Terdapat juga undang-undang khusus untuk melindungi kanak-kanak daripada didera secara seksual oleh pendera-pendera mereka. Seperti di Malaysia mempunyai Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 khusus untuk melindungi kanak-kanak daripada dieksploitasi dari segi seksual. Di Kanada juga, terdapat satu dasar yang memberikan jaminan perlindungan kepada kanak-kanak iaitu The National Children's Agenda (NCA) yang mempunyai matlamat yang sama dengan Dasar Kanak-Kanak Negara yang digubal di Malaysia.<sup>37</sup>

##### SINGAPURA

Di Singapura, terdapat sedikit perbezaan terhadap tafsiran kanak-kanak di negara berkenaan sebelum pindaan dilakukan pada tahun 2019. Menurut Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 2001, Singapura telah mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang mempunyai had umur sehingga 16 tahun sahaja berbanding di negara Malaysia yang mengiktiraf kanak-kanak adalah mereka yang berusia 18 tahun ke bawah mengikut Akta Perlindungan Kanak-Kanak 2001. Walau bagaimanapun, had umur ini telah pun dipinda oleh badan perundangan negara berkenaan iaitu menyelaraskan kepada 18 tahun ke bawah. Hal ini kerana kerajaan Singapura komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan hak kanak-kanak seperti penderaan, pengabaian dan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak di negara berkenaan. Dengan pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda ini, kerajaan mereka juga mempunyai bidang kuasa yang lebih luas dalam menjaga kebajikan kanak-kanak di negara berkenaan

Undang-undang di negara Kanada dan Singapura dijadikan sebagai model relatif dalam kajian ini adalah atas dasar kedua-dua negara ini juga merupakan negara yang mempunyai latar undang-undang yang sama dengan Malaysia iaitu negara yang mengamalkan sistem undang-undang Inggeris (*common law countries*). Maka, disebabkan persamaan dari sudut undang-undang, maka pemakaian undang-undang untuk melindungi kanak-kanak juga dilihat tidak jauh beza dengan pelaksanaan undang-undang perlindungan kanak-kanak di Malaysia. Walau pun di Kanada tidak mempunyai satu Akta yang khusus di Malaysia, tetapi jenis penderaan yang diiktiraf, dasar perlindungan kanak-kanak juga dilihat hampir sama dengan yang sedang diamalkan di Malaysia. Begitu juga dengan negara Singapura yang telah meminda Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 2001 yang telah meningkatkan had umur kanak-kanak daripada 16 tahun kepada 18 tahun supaya kanak-kanak di negara berkenaan boleh diberikan perlindungan secara kolektif dan adil.

#### HAL BERKAITAN PENDERAAN EMOSI TERHADAP KANAK-KANAK DAN COVID-19

Perintah kawalan pergerakan telah dilaksanakan semenjak Mac 2020 sehingga kini. Sesi persekolahan juga hanya akan bermula 3 Oktober 2021 mengikut



kepada fasa-fasa dalam Pelan Pemulihan Negara yang berbeza-beza mengikut kepada lokasi dan lokaliti sesebuah kawasan.<sup>38</sup> Lebih daripada satu tahun, kanak-kanak ini telah 'terkurung' dalam rumah bersama-sama dengan keluarga mereka. Jika keluarga kanak-kanak tersebut mempunyai satu sistem sokongan yang baik sepanjang tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan ini, maka kanak-kanak tersebut beruntung. Berbanding dengan kanak-kanak yang mempunyai masalah keluarga dan menjadi mangsa penderaan, mereka sewajarnya diberikan perlindungan yang terbaik.

Angka penderaan yang mencecah 2,040 kes sehari pada suku tahun 2021 ini dilihat satu angka yang boleh dijadikan sebagai petanda kod merah kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil satu langkah yang lebih proaktif dan pantas supaya kanak-kanak dapat dilindungi. Dalam hal membabitkan penderaan emosi, ia merupakan suatu jenis penderaan yang perlu dipandang berat. Hal ini kerana, penderaan emosi ini jika dirujuk kepada tafsiran Akta Kanak-Kanak 2001 ini sendiri tidak melibatkan kepada penderaan yang mana kesannya boleh dilihat secara nyata seperti penderaan fizikal, seksual dan pengabaian. Penderaan emosi ini hanya akan menjejaskan kesihatan mental secara amnya. Antara kesan jangka masa panjang yang boleh dilihat kepada kanak-kanak apabila didera secara emosi adalah kanak-kanak akan memendam amarah, tidak mempertahankan diri sendiri kerana takut kesan tindakan, selalu mengambil hati orang lain berbanding diri sendiri, keresahan dan kemurungan, terlampau pemalu dan kurang keyakinan, membuli diri sendiri dengan selalu merendah-rendahkan diri dan sentiasa memerlukan pujian untuk meningkatkan semangat dan keyakinan kerana sering kali direndah dan dihina sewaktu kecil.<sup>39</sup>

Kesan ini terlalu buruk dan mengganggu tumbesaran kanak-kanak pada masa yang akan datang. Bayangkan apakah yang akan berlaku kepada generasi yang akan datang jika isu penderaan emosi ini tidak ditangani sehingga ke zaman wabak COVID-19 ini. Generasi akan datang akan boleh terdedah dengan potensi kurang berkeyakinan untuk melaksanakan tanggungjawab. COVID-19 dilihat sebagai suatu satu cabaran baharu dan ditambah pula dengan masalah penderaan emosi yang boleh mengganggu emosi seseorang individu. Seharusnya, bagi tujuan penambahbaikan, undang-undang hendaklah dilihat dari kaca mata inisiatif positif bagi melindungi masyarakat daripada melakukan sesuatu

kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang selain melindungi kehidupan masyarakat secara umum. Oleh hal yang demikian, pihak berkuasa hendaklah mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam menghadapi cabaran ini.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, Malaysia seharusnya bersedia dengan gelombang penderaan yang meningkat saban tahun. Masalah ini menjadi semakin parah apabila Malaysia sedang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada wabak COVID 19 yang melanda negara kita. Peningkatan kes penderaan lebih-lebih lagi kes penderaan emosi perlu dipandang serius oleh pihak berwajib. Hal ini kerana emosi kanak-kanak mudah terjejas akibat daripada perbuatan tidak bertanggungjawab oleh orang-orang dewasa. Maka, jawapan kepada permasalahan ini adalah dengan melakukan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat sebagai amaran dan ingatan kepada pendera di samping memberikan keadilan kepada mangsa penderaan. Berdasarkan kes-kes yang telah dirujuk, tiada kes secara spesifik yang memberi perhatian dan penekanan kepada penderaan emosi, sedangkan pada era pandemik ini, penderaan emosi yang dilihat semakin lama semakin membarah. Pendekatan dengan hanya meletakkan penderaan emosi ini hanya sampingan kepada penderaan-penderaan lain adalah satu perkara yang tidak wajar kerana tajamnya lidah boleh menewaskan tajamnya pedang. Walaupun mungkin data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa jumlah kes penderaan emosi tidak setinggi penderaan fizikal, pengabaian dan penderaan seksual, tetapi itu hanyalah data yang telah dilaporkan kepada badan organisasi berkenaan. Bayangkan berapa banyak kes yang tidak dilaporkan dan sehingga kini, mangsa sedang didera secara emosinya oleh pendera-pendera yang mungkin hidup sebungkus dengan kanak-kanak tersebut.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (Malaysia) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah menyediakan dana penyelidikan di bawah GGPM-2021-041, UU-2021-012, UU-2021-013, GGP-2020-005 dan UU-2021-017 penghargaan khas

kepada ahli kumpulan penyelidikan dan pelajar Fakulti Undang-Undang UKM dan Universitas Janabadra, Indonesia yang terlibat atas kepakaran dan kerjasama anda semua.

Artikel ini telah dibentangkan pada Persidangan Tuanku Ja'afar (Tuanku Ja'afar Conference and Workshop 2021) (TJC 2021).

#### NOTA

- <sup>1</sup> Hadis dipetik dari Fouziah Amir. 2019. Padah hati anak terbebani. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/8331/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Padah-hati-anak-terbebani>
- <sup>2</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2016. *Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEliZUhrbWc2VC9wM3hE VWxTWVVFdz09> [20 Julai 2021].
- <sup>3</sup> Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
- <sup>4</sup> UNICEF. 2010. *Penderaan Kanak-Kanak Sekilas Pandang. Fact Sheet*. [www.uniteagainstabuse.my](http://www.uniteagainstabuse.my) [20 Julai 2021].
- <sup>5</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021].
- <sup>6</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021].
- <sup>7</sup> Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
- <sup>8</sup> UNICEF. 2010. *Penderaan Kanak-Kanak Sekilas Pandang. Fact Sheet*. [www.uniteagainstabuse.my](http://www.uniteagainstabuse.my) [20 Julai 2021].
- <sup>9</sup> UNICEF. 2010. *Penderaan Kanak-Kanak Sekilas Pandang. Fact Sheet*. [www.uniteagainstabuse.my](http://www.uniteagainstabuse.my) [20 Julai 2021].
- <sup>10</sup> Azhar, Harlida, Yusramizza & Ain. 2018. *International Journal of Law, Government and Communication*. 3 (10) hlm. 33-51.
- <sup>11</sup> Azhar, Harlida, Yusramizza & Ain. 2018. *International Journal of Law, Government and Communication*. 3 (10) hlm. 33-51.
- <sup>12</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2016. *Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEliZUhrbWc2VC9wM3hE VWxTWVVFdz09> [20 Julai 2021]
- <sup>13</sup> Suhakam. 2005. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Kuala Lumpur: Suhakam.
- <sup>14</sup> Suhakam. 2005. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Kuala Lumpur: Suhakam.
- <sup>15</sup> Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. UiTM: Malaysia.
- <sup>16</sup> Kalbin Salim, *Pengolahan Data Kualitatif Dengan Nvivo 12*, p 2-11.
- <sup>17</sup> Mohd Zamre Mohd Zahir, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Ramalinggam Rajamanickam, Ahmad Azam Mohd Shariff, Zainunnisaa Abd Rahman, Ma Kalthum Ishak, Syafiq Sulaiman, Nor Hikma Mohamad Nor. 2021. Prospect and legal challenges of medical tourism in relation to the advance medical directive (AMD) in Malaysia. *Special Issue of Pertanika Journal Social Sciences and Humanities (JSSH) 29 (S2): 17-28*.
- <sup>18</sup> Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Mohd Zamre Mohd Zahir, Ahmad Azam Mohd Shariff, Ramalinggam Rajamanickam, Ong Tze Chin, Zainunnisaa Abd Rahman, Nor Hikma Mohamad Nor, Syafiq Sulaiman, Asiah Bidin, Murshamshul Kamariah Musa & Kamaliah Salleh. 2021. Legal exploration of right to health. *Special Issue of Pertanika Journal Social Sciences and Humanities (JSSH) 29(S2): 221-232*.
- <sup>19</sup> Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. UiTM: Malaysia.
- <sup>20</sup> Kalbin Salim, *Pengolahan Data Kualitatif Dengan Nvivo 12*, p 2-11.
- <sup>21</sup> Suraya Roslan. 2020. 3,875 kes penderaan kanak-kanak sehingga September. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/652985/3875-kes-penderaan-kanak-kanak-sehingga-september>. [20 Julai 2021].
- <sup>22</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021].
- <sup>23</sup> Suraya Roslan. 2020. 3,875 kes penderaan kanak-kanak sehingga September. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/652985/3875-kes-penderaan-kanak-kanak-sehingga-september>. [20 Julai 2021].
- <sup>24</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021].
- <sup>25</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021].
- <sup>26</sup> Mohd Amin Jalil. 2021. 2040 kes dera kanak-kanak dalam tempoh empat bulan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/837112/2040-kes-dera-kanak-kanak-dalam-tempoh-empat-bulan>. [20 Julai 2021].

- <sup>27</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021]
- <sup>28</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021]
- <sup>29</sup> Suraya Roslan. 2020. 3,875 kes penderaan kanak-kanak sehingga September. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/652985/3875-kes-penderaan-kanak-kanak-sehingga-september>. [20 Julai 2021].
- <sup>30</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021]
- <sup>31</sup> Suhakam. 2005. *Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak*, Kuala Lumpur: Suhakam.
- <sup>32</sup> Azhar, Harlida, Yusramizza & Ain. 2018. *International Journal of Law, Government and Communication*. 3 (10) hlm. 33-51.
- <sup>33</sup> Anon. 2021. Tiada kompromi terhadap pelaku kes dera kanak-kanak – Ras Adiba. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-kompromi-terhadap-pelaku-kes-dera-kanakkanak-ras-adiba-308502> [20 Julai 2021]
- <sup>34</sup> Mohd Amin Jalil. 2021. 2040 kes dera kanak-kanak dalam tempoh empat bulan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/837112/2040-kes-dera-kanak-kanak-dalam-tempoh-empat-bulan>. [20 Julai 2021]
- <sup>35</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021]
- <sup>36</sup> Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021]
- <sup>37</sup> Government of Canada 2021. About Family Violence. <https://www.justice.gc.ca/eng/cj-jp/fv-vf/about-afpropos.html#can>. [20 Julai 2021]
- <sup>39</sup> Mohd Iskandar Ibrahim. 2021. Bukan semua sekolah dibuka pada 3 Oktober. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/863628/bukan-semua-sekolah-dibuka-pada-3-oktober>. [20 Julai 2021]
- <sup>40</sup> Aqma. t.th. Jika Anak Alami Penderaan Emosi, Mereka akan Membesar Seperti Ini. *The Asian Parent* <https://my.theasianparent.com/anak-penderaan-emosi-dewasa>. [20 Julai 2021].

## RUJUKAN

- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
- Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)
- Akta Pengangkatan 1952 (Akta 253)
- Akta Penjagaan Kanak-Kanak (Akta 351)
- Akta Umur Dewasa (Akta 21)
- Anon. 2019. Pindaan Akta Perlindungan Kanak-Kanak dan Orang Muda dibaca kali kedua di Parlimen. *Mediacorp*. <https://berita.mediacorp.sg/mobile/singapura/banjir-kilat-di-pasir-ris-beberapa-kawasan-berisiko-dek-paras/4646402.html>. [20 Julai 2021]
- Anon. 2021. Tiada kompromi terhadap pelaku kes dera kanak-kanak – Ras Adiba. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-kompromi-terhadap-pelaku-kes-dera-kanakkanak-ras-adiba-308502> [20 Julai 2021]
- Aqma. t.th. Jika Anak Alami Penderaan Emosi, Mereka akan Membesar Seperti Ini. *The Asian Parent*. <https://my.theasianparent.com/anak-penderaan-emosi-dewasa>. [20 Julai 2021]
- Department of Justice. 2015. Protecting Our Children. <https://www.justice.gc.ca/eng/rp-pr/cp-pm/cr-rc/dig/prot.html>. [20 Julai 2021]
- Fouzieh Amir. 2019. Padah hati anak terbeban. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/8331/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Padah-hati-anak-terbeban>. [20 Julai 2021]
- Government of Canada 2021. About Family Violence. <https://www.justice.gc.ca/eng/cj-jp/fv-vf/about-afpropos.html#can>. [20 Julai 2021]
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2016. *Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2017-2019. *Buku Laporan Statistik Malaysia*.
- Kalbin Salim. 2018. Pengantar Kajian Kualitatif. *Research Gate*. [https://www.researchgate.net/publication/328736941\\_Pengantar\\_Kajian\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/328736941_Pengantar_Kajian_Kualitatif). [20 Julai 2021]
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. UiTM: Malaysia.
- Mohd Amin Jalil. 2021. 2040 kes dera kanak-kanak dalam tempoh empat bulan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/837112/2040-kes-dera-kanak-kanak-dalam-tempoh-empat-bulan>. [20 Julai 2021]

- Mohd Iskandar Ibrahim. 2021. Bukan semua sekolah dibuka pada 3 Oktober. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/863628/bukan-semua-sekolah-dibuka-pada-3-oktober>. [20 Julai 2021].
- Mohd Zamre Mohd Zahir, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Ramalinggam Rajamanickam, Ahmad Azam Mohd Shariff, Zainunnisaa Abd Rahman, Ma Kalthum Ishak, Syafiq Sulaiman, Nor Hikma Mohamad Nor. 2021. Prospect and legal challenges of medical tourism in relation to the advance medical directive (AMD) in Malaysia. *Special Issue of Pertanika Journal Social Sciences and Humanities (JSSH)* 29(S2): 17-28.
- Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2020. Faktor Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. E-Prosidang Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019. 7-19. [https://www.researchgate.net/publication/343876796\\_Faktor\\_Penderaan\\_Kanak-Kanak\\_di\\_Malaysia\\_Satu\\_Analisis](https://www.researchgate.net/publication/343876796_Faktor_Penderaan_Kanak-Kanak_di_Malaysia_Satu_Analisis) [20 Julai 2021].
- Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mod Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik kes penderaan kanak-kanak di Malaysia: Satu analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 5: 17-23. [https://www.researchgate.net/publication/343876915\\_STATISTIK\\_KES\\_PENDERAAN\\_KANAK-KANAK\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS](https://www.researchgate.net/publication/343876915_STATISTIK_KES_PENDERAAN_KANAK-KANAK_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS) [20 Julai 2021].
- Pendakwa Raya lwn Rahayu binti Hassan dan satu lagi rayuan [2019] MLJU 722.
- Pendakwa Raya lwn Rahayu binti Hassan dan satu lagi rayuan [2019] MLJU 722.
- Pendakwa Raya lwn Thevesh a/l Sashikumar dan satu lagi [2020] 12 MLJ 603.
- Research and Advocacy Standing Committee (n.d.). Protection of Children in Singapore: An Overview. [https://www.childrensociety.org.sg/resources/ck/files/child\\_protection.pdf](https://www.childrensociety.org.sg/resources/ck/files/child_protection.pdf). [20 Julai 2021].
- Siti Zaharah binti Abdullah lwn Pendakwa Raya [2018] MLJU 2060.
- Sridevi Thambapillay. 2002. Akta Kanak-Kanak 2001: Kesannya terhadap undang-undang keluarga. *Journal of Malaysian and Comparative Law*. <http://www.commonlii.org/my/journals/JMCL/2002/1.html#Heading158> [20 Julai 2021].
- Suhakam. 2005. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Kuala Lumpur: Suhakam.
- Suraya Roslan. 2020. 3,875 kes penderaan kanak-kanak sehingga September. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/652985/3875-kes-penderaan-kanak-kanak-sehingga-september>. [20 Julai 2021].
- Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Mohd Zamre Mohd Zahir, Ahmad Azam Mohd Shariff, Ramalinggam Rajamanickam, Ong Tze Chin, Zainunnisaa Abd Rahman, Nor Hikma Mohamad Nor, Syafiq Sulaiman, Asiah Bidin, Murshamshul Kamariah Musa & Kamaliah Salleh. 2021. Legal exploration of right to health. *Special Issue of Pertanika Journal Social Sciences and Humanities (JSSH)* 29(S2): 221-232.
- UNICEF. 2010. Penderaan Kanak-Kanak Sekilas Pandang. Fact Sheet. [www.uniteagainstabuse.my](http://www.uniteagainstabuse.my) [20 Julai 2021].
- UNICEF. 2021. Mental health alert for children in Malaysia. <https://www.unicef.org/malaysia/press-releases/mental-health-alert-children-malaysia> [20 Julai 2021]
- Woo Kim Wai lwn Pendakwa Raya [2020] 8 MLJ 34.
- Mohd Zamre Mohd Zahir (Pengarang Koresponden)  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Emel: zamre@ukm.edu.my
- Nik Ahmad Aiman Hakimi Hasmadi  
Pelajar  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Emel: A173699@siswa.ukm.edu.my